

# HFMD melonjak 27 kali ganda, tiga kes di ICU

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI  
utusan.news@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang menyerang kanak-kanak di negara ini terus melonjak dan sehingga semalam tiga pesakit dimasukkan ke wad unit rawatan rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama dan kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) dan disahkan dijangkiti EV71.

“Bagi kes pertama dan kedua, pesakit-pesakit masih di bawah pemantauan rapi di ICU manakala bagi pesakit kes ketiga mangsa dimasukkan ke ICU kerana pemantauan selepas melakukan pembedahan perut.

“Kes ketiga ini telah dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada 27 Mei untuk pemantauan lanjut,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, pemantauan enterovirus mendapati tiga virus utama yang menjadi punca jangkitan HFMD dalam komuniti pada tahun ini ialah Coxsackie A16 (CA16), Coxsackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71).

Menurut beliau, bagi tahun



**PENGENDALI** tadika perlu mempertingkatkan kebersihan premis sekerap mungkin bagi mengelakkan jangkitan kes HFMD dalam kalangan kanak-kanak.

ini sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 21/2022 (28 Mei), sejumlah 65,535 kes HFMD telah dilaporkan iaitu peningkatan 27 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,333 kes.

“Jika dibandingkan dengan

tempoh sama pada tahun 2019 (sebelum pandemik Covid-19) dengan kes sebanyak 29,846 kes, ia menunjukkan peningkatan 1.2 kali ganda.

“Manakala kes HFMD yang dilaporkan bagi ME 21/2022 adalah 18,602 kes berbanding 15,548 kes pada ME 20/2022 iai-

tu peningkatan sebanyak 19.6 peratus,” ujarnya.

Noor Hisham berkata, sehingga 28 Mei, Selangor menyumbang jumlah kes HFMD tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 18,525 kes (28.27 peratus), diikuti oleh Kuala Lumpur dan Putrajaya 8,088 kes (12.34 peratus), Perak 5,810 kes (8.87 peratus), Kelantan 4,905 kes (7.48 peratus) dan Sabah 4,077 kes (6.22 peratus).

Katanya, sebanyak 59,831 kes HFMD atau 91 peratus dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah dan 4,593 kes atau tujuh peratus adalah kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun.

Sementara itu, ujarnya, terdapat 1,505 kes dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri mencatatkan kejadian wabak tertinggi iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya 502 wabak (33.4 peratus), diikuti Selangor 172 wabak (11.4 peratus) dan Perak 168 wabak (11.2 peratus).

Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tadika dan pra-sekolah iaitu 913 wabak (61 peratus) diikuti di rumah persendirian dengan 526 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 51 wabak (tiga peratus).